

26/05/1997

Kementerian semak kaedah tanam minat berekreasi

BIDOR, Ahad - Kementerian Belia dan Sukan akan mengkaji kaedah yang lebih sesuai untuk menarik minat lebih ramai penduduk negara ini kepada kegiatan yang berunsur rekreasi.

Timbalan Menterinya, Datuk Loke Yuen Yow, berkata langkah itu berikutan ramai rakyat negara ini didapati mengikuti penuh minat perkembangan mengenai kumpulan pendaki Malaysia yang berjaya menawan puncak Gunung Everest Jumaat lalu.

Menurutnya, perkembangan itu membuktikan rakyat negara ini berminat terhadap kegiatan rekreasi, termasuk mendaki gunung, bagaimanapun, promosi mengenainya perlu dibuat lebih meluas.

"Bukan mudah bagi kita untuk menyemaikan minat terhadap aktiviti rekreasi, tetapi perkembangan itu membuktikan ia semakin diminati.

"Kejayaan pendaki Malaysia menawan puncak Everest membanggakan kita. Sehubungan itu, kementerian akan terus mempromosikan kegiatan rekreasi itu dan mengkaji bagaimana ia boleh menarik minat lebih ramai peminat," katanya selepas merasmikan Kempen Anti Dadah anjuran Kelab Belia Cina Batang Padang, di sini, hari ini.

Menurut Loke, kejayaan pendaki mengibarkan bendera Malaysia di Everest membuktikan negara ini setanding dengan beberapa negara lain, termasuk Britain, Jerman, Amerika Syarikat dan Jepun yang terbukti cemerlang di bidang berkenaan.

Katanya, ketika ini, program Rakan Rekreasi melalui Rakan Muda menawarkan kemahiran memanjat bukit dan gunung kepada pesertanya.

Mengenai kemungkinan kerajaan memberikan anugerah kepada pendaki Malaysia ke Gunung Everest, Loke berkata:

"Kerajaan akan mengiktiraf pencapaian mereka, tetapi saya menyerahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk membuat keputusan."

Menurutnya, kerajaan juga akan mengadakan upacara sambutan besar-besaran di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah apabila kumpulan pendaki terbabit kembali ke negara ini.

(END)